



ستياوسها كراجان نكري كلنتن
YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

Ruj Kami : SUK.D200(01) 15/1/1 Jld. 3 (9)
Bertarikh : 05 Ramadhan 1438H
Bersamaan : 31 Mei 2017

Ke Majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Pengurusan Swasta / NGO

YB. / YM. / Dato' / Tengku / Tuan / Puan,

ARAHAN PENTADBIRAN
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 4 TAHUN 2017

PINDAAN TARIKH
HARI KELEPASAN AM TAHUN 2017 BAGI NEGERI KELANTAN
- HARI KEPUTERAAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Hari Kelepasan Am Persekutuan, Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah merupakan salah satu daripada Hari Kelepasan Am Tahun 2017 bagi Negeri Kelantan.


3. Sehubungan dengan itu selaras dengan pengumuman Kerajaan Persekutuan bahawa Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi tahun 2017 akan disambut pada hari Sabtu, 29 Julai 2017 maka Kerajaan Negeri Kelantan dengan ini juga meminda tarikh Hari Kelepasan Am Tahun 2017 Negeri Kelantan bagi Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong daripada 8 Ramadhan 1438H bersamaan dengan 3 Jun 2017 kepada **5 Zulkaedah 1438H bersamaan dengan 29 Julai 2017.**

4. Oleh yang demikian sukacita kiranya dapat YB. / YM. / Dato' / Tengku / Tuan / Puan mengambil langkah selanjutnya berkaitan dengan arahan ini.

Sekian dimaklumkan.

*** ISLAM DIJULANG, RAJA DIJUNJUNG, RAKYAT DISANJUNG ***
*** MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN ***

Dengan hormatnya,


DATO' HAJI MOHD FAUZI BIN HAJI CHE MAMAT, S.P.S.K., P.J.N., D.P.S.K. (Kelantan)